

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## STOR AKTIVITI MEMINDAHKAN GAS LPG BERSUBSIDI KE DALAM TONG LPG INDUSTRI DISERBU.

**PUTRAJAYA, 18 JUN 2020** - Pada 16 Jun 2020, kira-kira jam 7.00 malam, sepasukan 10 pegawai dan anggota penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Ibu Pejabat Putrajaya, telah menyerbu sebuah stor industri di Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang, Selangor. Stor tersebut disyakki digunakan sebagai tempat untuk memindahkan gas LPG bersubsidi ke dalam tong lpg industri.

Dalam pemeriksaan tersebut, anggota pasukan telah menemui sejumlah **103 tong 50kg berisi LPG** untuk kegunaan industri, **14 tong berisi lpg 14kg** untuk kegunaan domestik dan **190 tong kosong 14kg**. Turut disita ialah sebuah lori 5 tan beserta dengan LPG. Turut ditemui peralatan-peralatan yang digunakan untuk pemindahan gas seperti hos, penimbang dan peralatan pengepam gas LPG.

Kesemua barangan tersebut telah dirampas untuk siasatan lanjut dan jumlah sitaan dianggarkan bernilai **RM 72,662**. Dalam serbuan itu, pasukan telah menahan 3 orang lelaki warga Indonesia berumur 30 hingga 35 tahun yang berada di premis dan seorang lelaki tempatan berumur 24 tahun yang mengaku sebagai tuan punya premis bagi membantu siasatan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 membabitkan aktiviti mengilang LPG tanpa lesen sah.

**Penalti :**

Jika sabit kesalahan, **boleh didenda tidak melebihi Satu Juta Ringgit Malaysia(RM 1,000,000.00) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali**

Saya ingin menegaskan akan bertindak dengan cekap dan pantas serta tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan subsidi barang kawalan demi kepentingan rakyat.

#####

**DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN SULAIMAN**

**Pengarah**

Bahagian Penguat kuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

( KPDNHEP )

**PUTRAJAYA**

18 Jun 2020 (Rabu)

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

